

PANDUAN TADBIR URUS SENAT UNIVERSITI AWAM (UA) MALAYSIA



Edisi
Pertama
2022



Edisi Pertama
2022



**PANDUAN TADBIR URUS SENAT
UNIVERSITI AWAM (UA)
MALAYSIA**

Pejabat Pendaftar
Universiti Teknologi MARA

e ISBN 978-967-26987-7-7

© Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pejabat Pendaftar.

Sebarang pertanyaan berkaitan isi kandungan Buku Panduan ini hendaklah dirujuk terus kepada Pejabat Pendaftar, Aras 3 Bangunan Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

TINTA BICARA PENASIHAT

Syukur Alhamdulillah, Panduan Tadbir Urus Senat Universiti Awam (UA) Malaysia (Edisi 2022) telah dapat dihasilkan dengan kerjasama daripada pegawai-pegawai yang menguruskan tadbir urus dan Senat di universiti awam.

Penyediaan panduan sebagai rujukan bagi pihak universiti khususnya Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Pendaftar, pegawai-pegawai akademi dan pegawai-pegawai tadbir yang menguruskan Senat Universiti. Usaha yang dilaksanakan ini sebagai pemudah cara dalam memastikan ketelusan, kecekapan dan pelaksanaan tadbir urus akademik yang berintegriti dan berkualiti.

Senat adalah merupakan badan tertinggi akademik yang membuat keputusan bagi perkara teras universiti iaitu akademik, penyelidikan, pelajar dan hala tuju pendidikan tinggi universiti. Sebagaimana yang dinyatakan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025, sistem pendidikan tinggi akan berubah daripada berfokuskan input kualiti dan kuantiti kepada berfokuskan keberhasilan dan prestasi. Dari perspektif tadbir urus, institusi akan berubah daripada model berpusat kepada model berautonomi yang diperoleh melalui akauntabiliti yang jelas.

Saya mengucapkan tahniah kepada pasukan kerja yang berjaya menyiapkan Panduan Tadbir Urus Senat Universiti Awam (UA) Malaysia (Edisi 2022) yang melibatkan beberapa wakil pegawai-pegawai universiti.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua Pendaftar universiti awam yang telah memberi maklumbalas semasa penyediaan panduan ini.

Salam hormat

Haji Muhammad Nizam Noordin
Pendaftar UiTM

PRAKATA KETUA PENULIS

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Buku Panduan Tadbir Urus Senat Universiti Awam (UA) Malaysia (Edisi 2022) telah berjaya diterbitkan.

Buku panduan ini diterbitkan sebagai panduan atau rujukan kepada semua pentadbir terutamanya sekretariat Senat di Universiti Awam dalam memastikan pelaksanaan proses berkaitan Senat berjalan dengan lancar dan berintegriti berpandukan kepada akta dan undang-undang yang berkuat kuasa.

Saya sebagai Ketua Penulis Buku Panduan Tadbir Urus Senat Universiti Awam (UA) Malaysia (Edisi 2022) ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Universiti Awam yang terlibat di atas kerjasama yang diberikan dalam penghasilan buku panduan ini. Semoga buku panduan ini dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya oleh semua pihak yang terlibat.

Semoga mendapat keberkatan atas segala usaha yang dicurahkan.

Salam Takzim

Mohd Herme Yusman bin Mohd Tahir

Timbalan Pendaftar

Universiti Teknologi Malaysia

Kandungan

Bahagian 1 : PENDAHULUAN

1.0	Pendahuluan	3
2.0	Latar Belakang	3
3.0	Asas Penyediaan Tadbir Urus	5
	• Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971	
	• Akta Universiti Teknologi MARA 1976	
	• <i>Constitution of International Islamic University Malaysia</i>	
4.0	Struktur Tadbir Urus	8
5.0	Senarai Jawatankuasa	12
6.0	Risiko	13
7.0	Penutup	14
8.0	Rujukan	14

Bahagian 2 : TERMA RUJUKAN

1.0	Punca Kuasa	17
2.0	Keanggotaan	17
3.0	Tempoh Keahlian	20
4.0	Kekerapan Mesyuarat	21
5.0	Kuorum	21
6.0	Kehadiran Mesyuarat	21

7.0	Fungsi dan Bidang Kuasa	24
8.0	Jawatankuasa Majlis dibawah Senat	28
9.0	Agenda Mesyuarat	30
10.0	Format Kertas Kerja	32
11.0	Menangguh Mesyuarat	33
12.0	Minit Mesyuarat	34
13.0	Membuat Keputusan	34
14.0	Keputusan Secara Edaran	35
15.0	Integriti dan Kerahsiaan Mesyuarat	36
16.0	Panduan Pencalonan Senat Untuk Tidak Lebih Daripada 20 Orang Profesor	38
 Bahagian 3 : JAWATANKUASA		
	Jawatankuasa	37

Bahagian 1

PENDAHULUAN



TADBIR URUS SENAT UNIVERSITI AWAM (UA) MALAYSIA

1.0 PENDAHULUAN

Tadbir Urus Senat merupakan rujukan utama dalam pengurusan Senat serta proses pembuatan keputusan yang dibuat berdasarkan prinsip tadbir urus terbaik. Dokumen ini memperincikan perkara berkaitan tadbir urus Senat di Universiti Awam iaitu peranan, fungsi dan bidang kuasanya.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971

Pengurusan Senat adalah di bawah bahagian yang dipertanggungjawabkan oleh Naib Canselor dan salah satu fungsinya adalah keurusetiaan/pengurusan Senat Universiti serta jawatankuasa di bawahnya.

Senat merupakan jawatankuasa yang tertinggi dalam pengurusan akademik Universiti Awam. Senat merupakan Pihak Berkuasa Universiti yang mengawal dan memberikan arahan secara am mengenai pengajaran, penyelidikan dan peperiksaan, dan pengurniaan ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik yang lain (Seksyen 17 (2) Bahagian III, Jadual Pertama, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971)

2.2 Akta Universiti Teknologi MARA 1976

Punca kuasa bagi pelaksanaan tadbir urus akademik UiTM merujuk kepada:

- i. Akta UiTM 1976 (Akta 173) Bahagian II, Seksyen 9
- ii. Akta UiTM 1976 (Akta 173) Bahagian III, Seksyen 16
- iii. Akta UiTM 1976 (Akta 173) Bahagian III, Seksyen 16A

Senat merupakan badan akademik tertinggi dalam UiTM yang membuat syor kepada LPU tentang segala perkara yang berkaitan dengan pembangunan kurikulum baharu, penggubalan polisi dan prosedur akademik, pelaksanaan dan pemantauan aktiviti akademik dalam pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, peperiksaan dan pengurniaan ijazah bagi program-program akademik. Keanggotaan Senat adalah seperti yang diperuntukkan dalam akta tersebut.

Secara amnya, di bawah tadbir urus akademik UiTM, pengurusan akademik di Universiti beroperasi dalam tiga (3) peringkat. Jawatankuasa di Peringkat Strategik diberi kuasa dan diperkasa dari segi fungsi dan tanggungjawabnya dalam menjalankan kewajipan yang termaktub di dalam Akta 173 menerusi pewujudan Senat. Senat di peringkat strategik dipengerusikan oleh Naib Canselor dan sekretariat Senat ialah BHEA.

2.3 *Constitution of International Islamic University Malaysia*

There shall be a Senate established by the Board which shall be the highest academic authority responsible for the management of the academic and student affairs of the University.

The Senate shall have power over the general direction and quality of programmes of studies, teaching, instruction, research and examinations, award of degrees, diplomas and certificates, setting up of departments under any centre of studies, student admission criteria, student development and academic linkages with other institutions.

The Senate and Power of Senate are derived from the Article 17 and Article 18 of Constitution of International Islamic University Malaysia.

3.0 ASAS PENYEDIAAN TADBIR URUS

3.1 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971

Senat Universiti ditubuhkan di bawah Seksyen 17 (1) Bahagian III, Jadual Pertama, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30),

Senat hendaklah terdiri daripada :

- (a) Naib Canselor yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- (b) semua Timbalan Naib Canselor;
- (c) semua Dekan Fakulti dan semua Ketua Kampus, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut Universiti;
- (d) tidak lebih daripada dua puluh orang profesor yang dipilih bagi tempoh tiga tahun oleh semua profesor sepenuh masa dan profesor madya Universiti; dan
- (e) tidak lebih daripada lima orang daripada Universiti yang hendaklah diko-opt oleh Naib Canselor selama tiga tahun.

Senat boleh dari semasa ke semasa mengundang mana-mana orang, termasuk mana-mana pelajar, untuk menghadiri mesyuarat Senat.

Dalam masa ketidakhadiran Naib Canselor, seorang Timbalan Naib Canselor hendaklah mempengerusikan mesyuarat Senat.

Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang hendaklah menjadi ahli ex-officio tetapi tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat Senat.

3.2 Akta Universiti Teknologi MARA 1976

Punca kuasa bagi pelaksanaan tadbir urus akademik UiTM diperolehi daripada dokumen berikut:

- i. Akta UiTM 1976 (Akta 173) Bahagian II, Seksyen 9
- ii. Akta UiTM 1976 (Akta 173) Bahagian III, Seksyen 16
- iii. Akta UiTM 1976 (Akta 173) Bahagian III, Seksyen 16A

Merujuk Akta 173, Akta Universiti Teknologi MARA 1976, membawa pengertian Senat Universiti yang ditubuhkan di bawah seksyen 16A.

Seksyen 16A memperuntukkan:

- (1) Maka hendaklah ditubuhkan Senat Universiti untuk menasihati Lembaga tentang segala perkara akademik Universiti.
- (2) Senat hendaklah terdiri daripada :
 - (a) Naib Canselor sebagai Pengerusi;
 - (b) semua Timbalan Naib Canselor;
 - (c) semua Dekan dan Ketua Sekolah dan Pusat;
 - (d) tiga wakil daripada Provos yang dilantik oleh Naib Canselor; dan
 - (e) tiga anggota kanan kakitangan akademik Universiti.
- (3) Pendaftar hendaklah menjadi Setiausaha Senat.
- (4) Pelantikan di bawah perenggan (2)(e) hendaklah dibuat oleh Lembaga bagi tempoh dua tahun.
- (5) Naib Canselor boleh mengko-opt mana-mana orang lain untuk menjadi anggota Senat atau untuk menghadiri mesyuarat Senat, tetapi seseorang yang diko-opt tidak mempunyai hak untuk mengundi.

- (5A) Dalam masa ketiadaan Naib Canselor, seorang Timbalan Naib Canselor hendaklah mempengerusikan apa-apa mesyuarat Senat

3.3 *Constitution of International Islamic University Malaysia*

Article 17 of the Constitution of International Islamic University Malaysia:

- (1) *There shall be a Senate established by the Board which shall be the highest academic authority responsible for the management of the academic and student affairs of the University.*
- (2) *The Senate shall consist of :*
 - (a) *the Rector, who shall be the chairman;*
 - (b) *Deputy Rectors;*
 - (c) *Executive Directors in charge of finance and management services;*
 - (d) *Deans in charge of academic programme;*
 - (e) *five professors to be appointed by the Senate;*
 - (f) *Dean or Director of divisions or centre as may be determined by the Senate;*
 - (g) *Legal Adviser;*
 - (h) *Chief Librarian; and*
 - (i) *Chief Information Officer*
- (3) *The Head in charge of admission and record of students shall be the secretary of the Senate.*
- (4) *Members mentioned under subarticle (2)(e) shall be appointed for a period of not exceeding three years and shall be eligible for reappointment.*
- (5) *The Senate may invite any person to attend the meetings of the Senate, but such person shall have no right to vote.*
- (6) *All minutes of its meetings shall be presented to the Board.*

4.0 STRUKTUR TADBIR URUS

4.1 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971


Senat merupakan jawatankuasa teratas di dalam struktur tadbir urus akademik di Universiti. Kedudukan Senat adalah di peringkat strategik di dalam Struktur Tadbir Urus Universiti. Seksyen 17 (1) Bahagian III, Jadual Pertama, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) menyatakan Senat adalah menjadi badan akademik bagi Universiti dan, tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini, Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan, berhak mengawal dan memberikan arahan secara am mengenai pengajaran, penyelidikan dan peperiksaan, dan pengurniaan ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik yang lain.

Terdapat jawatankuasa lain ditubuhkan yang membawa kuasa Senat. Dalam melaksanakan kewajipan, fungsi dan tanggungjawabnya, Senat boleh mewakili mana-mana daripada kewajipan, fungsi dan tanggungjawabnya kepada ahlinya atau sesuatu jawatankuasa yang terdiri daripada ahlinya. Ahli jawatankuasa yang ditubuhkan ini merupakan Pengerusi atau ahli dalam kalangan ahli Senat. Nomenklatur jawatankuasa ini dikenali ditentukan oleh Senat atau pengurusan Universiti mengikut Akta atau panduan yang berkaitan.

Apa-apa pertikaian antara Senat dengan Lembaga mengenai ruang lingkup dan takat fungsi atau kuasa mereka boleh dirujuk oleh salah satu pihak kepada Menteri mengikut seksyen 24A Bahagian III, Jadual Pertama, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30).

Struktur Tadbir Urus Senat Universiti ada seperti di bawah:

STRUKTUR TADBIR URUS SENAT



4.2 Akta Universiti Teknologi MARA 1976

Menurut Akta 173, Akta Universiti Teknologi MARA 1976, Perkara 16A:

- (6) Senat hendaklah membuat syor kepada Lembaga tentang segala perkara yang berhubungan dengan :
 - (a) kandungan dan penyusunan kursus pengajian yang diadakan di Universiti;
 - (b) kaedah pendidikan, pengajaran dan latihan yang dijalankan di Universiti;
 - (c) standard pendidikan dalam kursus pengajian yang diadakan di Universiti;
 - (d) kurikulum dan kursus pengajian yang dijalankan di Universiti;
 - (e) kebolehlaksanaan atau selainnya apa-apa cadangan berkenaan dengan mana-mana kurikulum atau kursus pengajian yang dijalankan atau yang akan dijalankan di Universiti;
 - (f) penetapan kelayakan yang dikehendaki bagi penerimaan masuk ke mana-mana kursus pengajian yang diadakan di Universiti;
 - (g) cadangan bagi penubuhan apa-apa kursus pengajian baru yang hendak dijalankan, atau pemberhentian mana-mana kursus pengajian yang sedia ada yang dijalankan, di Universiti; dan
 - (h) pengurniaan penghormatan akademik, fellowship, ijazah, diploma, sijil, hadiah, biasiswa dan kepujian akademik yang lain.
- (7) Tiada ketetapan boleh diluluskan oleh Lembaga yang berhubungan dengan mana-mana perkara yang disebut dalam 24 Undang-Undang Malaysia Akta 173 subseksyen 6 melainkan jika Senat terlebih dahulu diberi peluang mencatatkan dan menghantar pendapatnya kepada Lembaga tentang perkara itu.
- (8) Bagi maksud membolehkannya melaksanakan fungsinya dan menunaikan jawatankuasa kecil yang terdiri daripada anggotanya dan juga mana-mana orang yang diko-opt sebagai anggota di bawah subseksyen 5, dengan syarat bahawa orang yang diko-opt tidak mempunyai hak untuk mengundi.

- (9) Senat boleh mewakili mana-mana kewajipan, fungsi atau tanggungjawabnya kepada jawatankuasa atau jawatankuasa kecilnya.
- (10) Tertakluk kepada Akta ini, Senat boleh menentukan tatacaranya sendiri.

Pelaksanaan tadbir urus Senat UiTM menerima pakai skim dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan lain-lain agensi kerajaan yang berkaitan selain daripada pekeliling dalaman universiti. Jawatankuasa yang dibentuk di bawah peruntukan Seksyen 16A (8) dan (9), Akta UiTM 1976 (Akta 173) memainkan peranan penting dalam menilai dan mengkaji sesuatu cadangan dan mengemukakan syor untuk kelulusan dan pengesahan Senat.

4.3 Constitution of International Islamic University Malaysia

Article 18 of the Constitution of International Islamic University Malaysia:

Powers of Senate

- (1) *The Senate shall have power over the general direction and quality of programmes of studies, teaching, instruction, research and examinations, award of degrees, diplomas and certificates, setting up of departments under any centre of studies, student admission criteria, student development and academic linkages with other institutions.*
- (2) *The Senate may make Rules and Regulations from time to time in the light of the philosophy, objectives, vision and mission of the University.*
- (3) *The Senate may form committees to regulate the academic and student affairs of the University.*
- (4) *The Senate may delegate any of its functions, powers and duties to any committee or person as it may deem appropriate.*
- (5) *The Senate shall consider any matter transmitted to it by the Board under subarticle 5(4) **

**The Board shall have powers on all matters in respect of the University.*

5.0 SENARAI JAWATANKUASA

Jawatankuasa Senat adalah jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Senat Universiti di bawah punca kuasa seperti berikut:

- (i) Seksyen 17 (3), Bahagian III, Jadual Pertama, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971
- (ii) Seksyen 16A (8) (9) , Bahagian III, Akta UiTM 1976 (Akta 173).
- (iii) Article 17 of the Constitution of International Islamic University Malaysia

Jawatankuasa ini bertanggungjawab dalam membantu Senat berbincang secara terperinci cadangan dasar atau perkara yang menjadi fungsi utama jawatankuasa tersebut.

Antara senarai Jawatankuasa yang membawa kuasa Senat adalah seperti berikut:

**Tertakluk kepada keperluan Universiti masing-masing.*

BIL	NAMA JAWATANKUASA
1	JAWATANKUASA KURIKULUM DAN KUALITI AKADEMIK
2	JAWATANKUASA PEPERIKSAAN DAN PENGIJAZAHAN
3	JAWATANKUASA PERPUSTAKAAN DAN SUMBER PENDIDIKAN
4	JAWATANKUASA PENYELIDIKAN DAN INOVASI
5	JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAHASISWA DAN ALUMNI
6	JAWATANKUASA AKREDITASI
7	JAWATANKUASA DASAR DAN ENTITI UNIVERSITI
8	JAWATANKUASA INDUK PENILAIAN AKADEMIK (JKIPA)
9	JAWATANKUASA INDUK KURIKULUM UNIVERSITI (JKIKU)
10	JAWATANKUASA INDUK KUALITI UNIVERSITI (JKIQU)
11	JAWATANKUASA INDUK PENYELIDIKAN UNIVERSITI (JKIPU)
12	JAWATANKUASA INDUK JARINGAN UNIVERSITI (JKIJU)
13	JAWATANKUASA INDUK PERPUSTAKAAN (JKIP)
14	JAWATANKUASA KOKURIKULUM (JAK)
15	DEAN'S COUNCIL
16	STUDENT ADMISSION COMMITTEE
17	UNIVERSITY COMMITTEE FOR POSTGRADUATE STUDIES
18	UNIVERSITY RESEARCH COMMITTEE

6.0 RISIKO

Berikut merupakan risiko di dalam struktur tadbir urus Senat seperti di bawah:

BIL	RISIKO	TINDAKAN
1.	Kehadiran kuorum tidak mencukupi di saat akhir	Prestasi kehadiran Senat dikemukakan kepada Pengerusi setiap akhir tahun
2.	Keputusan mesyuarat bertulis yang berbeza dengan hasil mesyuarat	Rakaman suara/video mesyuarat melalui kemudahan mesyuarat dalam talian dan bersemuka.
3.	Penamatan Pengerusi / Ahli	Seksyen 17 (1B) untuk mana-mana Timbalan Naib Canselor mempengerusikan mesyuarat Senat dengan ketidakhadiran Pengerusi. Tatacara pelantikan tidak lebih 20 orang Profesor mengikut Universiti masing-masing.
4.	Sistem mesyuarat digodam	Aku janji Keselamatan dan pengendalian dokumen sulit ditingkatkan.
5.	Penyalahgunaan kedudukan	Pembacaan Pengisytiharan kepentingan pada setiap mesyuarat.
6.	Pembuatan keputusan berkaitan dasar Universiti tidak jelas.	Pengemaskinian Dasar dengan nasihat daripada Pejabat Penasihat Undang-Undang.
7.	Penyaluran maklumat yang kurang tepat dan berkesan.	Penambahbaikan sistem penyampaian maklumat. Mengadakan <i>post-senate meeting</i> oleh Dekan Fakulti di fakulti masing-masing
8.	Ketidaksamarataan wakil di dalam kalangan tidak lebih 20 orang Profesor yang dipilih/lantik.	Tatacara pelantikan tidak lebih 20 orang Profesor mengikut Universiti masing-masing. Mengadakan kuota wakil mengikut fakulti.

7.0 PENUTUP

Senat merupakan kuasa tertinggi dalam tadbir urus akademik Universiti. Tadbir urus yang teratur dan cekap akan memantapkan pengurusan dan keurusetiaan Senat dan hal ehwal yang berkaitan dengannya.

Jawatankuasa yang membawa kuasa Senat membantu melancarkan pengurusan dan pentadbiran Universiti. Had kuasa yang jelas yang diperuntukkan kepada jawatankuasa yang membawa kuasa Senat akan menggalakkan pembuatan keputusan dan meningkatkan kecekapan yang berkaitan akademik Universiti.

8.0 RUJUKAN PENYEDIAAN

- i. Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30]
- ii. Perlembagaan Universiti Awam Berkaitan
- iii. Statut (Senat) Universiti Awan Berkaitan
- iv. Akta 173, Akta Universiti Teknologi MARA 1976
- v. *Constitution of International Islamic University Malaysia*
- vi. Akta 605. AKTA BADAN-BADAN BERKANUN (TATATERTIB DAN SURCAJ)

Bahagian 2

TERMA RUJUKAN



TADBIR URUS SENAT UNIVERSITI AWAM (UA) MALAYSIA

1.0 PUNCA KUASA

Senat ditubuhkan dengan mengikut peruntukan:

- i. Seksyen 4 (Kuasa Universiti) dan Seksyen 17 (Senat) Bahagian III, Jadual Pertama, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30)
- ii. Statut Universiti Awam berkaitan (Senat)
- iii. Akta 173, Akta Universiti Teknologi MARA 1976, Perkara 16A
- iv. Constitution of International Islamic University Malaysia

2.0 KEANGGOTAAN

2.1 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971

Senat Universiti ditubuhkan di bawah Seksyen 17 (1) Bahagian III, Jadual Pertama, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30),

Senat hendaklah terdiri daripada :

- (a) Naib Canselor yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- (b) semua Timbalan Naib Canselor;
- (c) semua Dekan Fakulti dan semua ketua Kampus, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut Universiti;
- (d) tidak lebih daripada dua puluh orang profesor yang dipilih bagi tempoh tiga tahun oleh semua profesor sepenuh masa dan profesor madya Universiti; dan
- (e) tidak lebih daripada lima orang daripada Universiti yang hendaklah diko-opt oleh Naib Canselor selama tiga tahun.

Senat boleh dari semasa ke semasa mengundang mana-mana orang, termasuk mana-mana pelajar, untuk menghadiri mesyuarat Senat.

Dalam masa ketidakhadiran Naib Canselor, seorang Timbalan Naib Canselor hendaklah mempengerusikan mesyuarat Senat.

Pendaftar, Bursar, Ketua Pustakawan dan Penasihat Undang-Undang hendaklah menjadi ahli ex-officio tetapi tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat Senat.

2.2 Akta Universiti Teknologi MARA 1976

Merujuk Akta 173, Akta Universiti Teknologi MARA 1976, membawa pengertian Senat Universiti yang ditubuhkan di bawah seksyen 16A.

Perkara 16A.

- (1) Maka hendaklah ditubuhkan Senat Universiti untuk menasihati Lembaga tentang segala perkara akademik Universiti.
- (2) Senat hendaklah terdiri daripada:
 - (a) Naib Canselor sebagai Pengerusi;
 - (b) semua Timbalan Naib Canselor;
 - (c) semua Dekan dan Ketua Sekolah dan Pusat;
 - (d) tiga wakil daripada Provos yang dilantik oleh Naib Canselor; dan
 - (e) tiga anggota kanan kakitangan akademik Universiti.
- (3) Pendaftar hendaklah menjadi Setiausaha Senat.
- (4) Pelantikan di bawah perenggan (2)(e) hendaklah dibuat oleh Lembaga bagi tempoh dua tahun.
- (5) Naib Canselor boleh mengko-opt mana-mana orang lain untuk menjadi anggota Senat atau untuk menghadiri mesyuarat Senat, tetapi seseorang yang diko-opt tidak mempunyai hak untuk mengundi.

- (5A) Dalam masa ketiadaan Naib Canselor, seorang Timbalan Naib Canselor hendaklah mempengerusikan apa-apa mesyuarat Senat

2.3 Constitution of International Islamic University Malaysia

Article 17 of the Constitution of International Islamic University Malaysia:

- (1) There shall be a Senate established by the Board which shall be the highest academic authority responsible for the management of the academic and student affairs of the University.*
- (2) The Senate shall consist of:*
 - (a) the Rector, who shall be the chairman;*
 - (b) Deputy Rectors;*
 - (c) Executive Directors in charge of finance and management services;*
 - (d) Deans in charge of academic programme;*
 - (e) five professors to be appointed by the Senate;*
 - (f) Dean or Director of divisions or centre as may be determined by the Senate;*
 - (g) Legal Adviser;*
 - (h) Chief Librarian; and*
 - (i) Chief Information Officer.*
- (3) The Head in charge of admission and record of students shall be the secretary of the Senate.*
- (4) Members mentioned under subarticle (2)(e) shall be appointed for a period of not exceeding three years and shall be eligible for reappointment.*
- (5) The Senate may invite any person to attend the meetings of the Senate, but such person shall have no right to vote.*
- (6) All minutes of its meetings shall be presented to the Board.*

2.4 Perlembagaan Universiti Awam Berkaitan

Mengikut peruntukan Perlembagaan Universiti Awam Berkaitan, selain daripada peruntukan Seksyen 17, Bahagian III, Jadual Pertama, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30), pada satu-satu masa:

- i. Seseorang yang dilantik untuk memangku/ menanggung tugas atau menjalankan fungsi bagi keahlian yang dinyatakan dalam Seksyen 17 [(a), (b),(c), (e) dan (1C)] hendaklah juga dianggap sebagai menjalankan jawatan itu di Universiti Awam Berkaitan.
- ii. Keahlian Senat (secara ko-opt) perlu dibuat pelantikan secara bertulis oleh Naib Canselor dengan menyatakan tempoh dan tanggungjawab.

Statut Universiti Awam Berkaitan (Senat) Bahagian II Perkara 2(3) memperuntukkan Pendaftar atau wakilnya hendaklah menjadi Setiausaha Senat.

3.0 TEMPOH KEAHLIAN

3.1 Tempoh keahlian seseorang ahli yang dipilih dan ahli diko-opt hendaklah tertakluk kepada tempoh pelantikan jawatan berkenaan atau merujuk kepada Statut.

3.2 Statut Universiti Awam Berkaitan (Senat) Bahagian II memperuntukkan:

- (1) Tempoh keahlian seseorang ahli yang dipilih dan ahli ko-opt hendaklah selama tiga (3) tahun.
- (2) Ahli yang dipilih untuk mengisi kekosongan keahlian ahli yang dipilih yang terhenti menjadi ahli menurut perenggan 2 Jadual Perlembagaan hendaklah memegang jawatan selama baki tempoh ahli yang terdahulu.
- (3) Ahli yang diko-opt untuk mengisi kekosongan keahlian ahli yang diko-opt yang terhenti menjadi ahli menurut perenggan 2 Jadual Perlembagaan hendaklah memegang jawatan selama baki tempoh ahli yang terdahulu itu di ko-opt.

4.0 KEKERAPAN MESYUARAT

Sekurang-kurangnya sekali untuk setiap Semester Pengajian.

5.0 KUORUM

- 5.1 Kuorum untuk Mesyuarat Biasa dan Mesyuarat Khas ialah satu per tiga ($1/3$) daripada bilangan ahli Senat, tidak termasuk ahli ex-officio.

Kuorum untuk Mesyuarat Biasa dan Mesyuarat Khas UiTM sekurang-kurangnya $2/3$ kehadiran ahli (tidak termasuk ahli turut hadir).

One-third of the Senate members shall constitute a quorum for any ordinary meeting.

- 5.2 Jika kuorum tidak diperolehi setengah ($1/2$) jam selepas waktu Mesyuarat Biasa dan Mesyuarat Khas sepatutnya dimulakan, maka mesyuarat itu hendaklah ditunda ke tarikh yang ditetapkan oleh Pengerusi Senat. Pemberitahuan mengenai tarikh mesyuarat yang baharu itu hendaklah dimaklumkan selewat-lewatnya empat puluh lapan (48) jam sebelum mesyuarat dijadualkan.

6.0 KEHADIRAN MESYUARAT

- 6.1 Jadual Kedua [Subseksyen 12(3) Perlembagaan], Akta Universiti dan Kolej Universiti AUKU

6.1.1 Hilang Kelayakan

Orang yang berikut hilang kelayakan untuk dilantik sebagai atau untuk menjadi ahli sesuatu pihak berkuasa (Senat) Universiti:

- (a) jika telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan

- (i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
 - (ii) kesalahan di bawah undang-undang yang berhubungan dengan rasuah;
 - (iii) kesalahan di bawah Akta ini; atau
 - (iv) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang melebihi dua (2) tahun;
- (b) Jika dia menjadi bankrap;
- (c) jika dia didapati atau ditetapkan tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk menguruskan hal ehwalnya.

6.1.2 Terhenti Menjadi Ahli

Seseorang ahli Pihak Berkuasa (Senat) hendaklah terhenti menjadi ahli

- (a) jika dia tidak menghadiri mesyuarat Pihak Berkuasa (Senat) tiga (3) kali berturut-turut tanpa kebenaran pengerusi Pihak Berkuasa itu (Senat); atau
- (b) jika perlantikannya dibatalkan atau dia meletakkan jawatan; atau
- (c) jika dia hilang kelayakkan di bawah perenggan 1, Jadual Kedua [Subseksyen 12(3) Perlembagaan].

6.2 Perlembagaan Universiti Awam Berkaitan.

- 6.2.1 Sekiranya Dekan Fakulti, Sekolah, Ketua Kampus Cawangan, Pusat, Akademi atau Institut, atas sebab-sebab tertentu tidak dapat menghadiri mesyuarat, beliau hendaklah mendapatkan kebenaran daripada Pengerusi Senat untuk mewakilkan timbalannya bagi tujuan pembentangan (jika ada).

6.2.2 Sekiranya ahli Senat selain di Perkara 7.2.1 atas sebab-sebab tertentu tidak dapat menghadiri mesyuarat, beliau hendaklah mendapatkan kebenaran daripada Pengerusi Senat untuk mewakili timbalannya bagi tujuan pembentangan (jika ada).

6.2.3 Pegawai yang menggantikan ahli Senat di dalam Perkara 7.2.1 dan 7.2.2 di dalam Mesyuarat Senat dianggap sebagai ahli turut hadir yang tidak akan dikira sebagai kuorum mesyuarat dan tidak mempunyai hak mengundi.

6.3 Hilang Kelayakan

Akta 173, Akta Universiti Teknologi MARA 1976 - Jadual Kedua Seksyen 13

6.3.1 Orang yang berikut hilang kelayakan untuk dilantik sebagai atau untuk menjadi anggota:

- (a) jika telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabitkan atas, suatu pertuduhan berkenaan dengan :
 - (i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak; 58 Undang-Undang Malaysia Akta 173
 - (ii) kesalahan di bawah undang-undang yang berhubungan dengan rasuah;
 - (iii) kesalahan di bawah Akta ini; atau
 - (iv) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh yang melebihi dua tahun;
- (b) jika dia menjadi bankrap;
- (c) jika dia didapati atau diisytiharkan tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya untuk menguruskan hal ehwalnya.

6.4 Terhenti menjadi anggota

Akta 173, Akta Universiti Teknologi MARA 1976 - Jadual Kedua Seksyen 13

6.4.1 Seseorang anggota Senat hendaklah terhenti menjadi anggota :

- (a) jika dia tidak menghadiri mesyuarat Senat tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi; atau
- (b) jika pelantikannya dibatalkan.

7.0 FUNGSI DAN BIDANG KUASA

7.1 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971

Mengikut peruntukan Seksyen 17 (2) Bahagian III, Jadual Pertama "Senat adalah menjadi badan akademik bagi Universiti dan, tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini, statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan, berhak mengawal dan memberikan arahan secara am mengenai pengajaran, penyelidikan dan peperiksaan, dan pengurniaan ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik yang lain".

Mengikut peruntukan Seksyen 4 (1) dan (3) Bahagian III, Jadual Pertama, Senat hendaklah mempunyai kuasa yang berikut:

- (a) menyediakan kursus pengajaran, mengadakan peperiksaan, membuat peruntukan untuk penyelidikan, dan mengambil apa-apa langkah lain yang didapati perlu atau mustahak untuk memajukan dan menyebarkan pengetahuan;
- (b) menerima masuk pelajar dari dalam atau luar Malaysia untuk apa-apa kursus pengajian yang diluluskan oleh Universiti;
- (c) memberikan ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik lain termasuk ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik luar yang lain kepada pelajar yang telah mengikuti mana-mana kursus pengajian yang telah diluluskan dan telah memenuhi apa-apa kehendak lain sebagaimana yang telah ditetapkan oleh kaedah-kaedah;

- (d) mengiktiraf ijazah dan diploma institusi pengajian tinggi yang lain, bagi maksud memasuki kursus pengajian dan peperiksaan Universiti dan juga mengurniakan ijazah yang lebih tinggi kepada pemegang ijazah atau diploma itu atau kepada siswazah Universiti mengikut syarat mengikut syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah;
- (e) memberikan ijazah kepada guru yang telah memenuhi apa-apa kehendak sebagaimana yang telah ditetapkan oleh kaedah-kaedah;
- (f) memberikan sijil kepada orang yang telah mencapai kecekapan dalam mana-mana bidang ilmu;
- (g) menjalankan penyelidikan dan mengkormesilkan hasil dan dapatan penyelidikan

Mengikut peruntukan Seksyen 17 (2A) Bahagian III, Jadual Pertama, Senat hendaklah mempunyai kuasa yang berikut:

- (a) untuk menubuhkan Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut, dan jabatan, unit atau badan di bawah Fakulti, Sekolah, Pusat, Akademi dan Institut itu;
- (b) dengan keizinan Lembaga, untuk memberikan ijazah kehormat kepada orang yang telah menyumbang terhadap kemajuan atau penyebaran pengetahuan, atau yang telah memberi khidmat awam yang cemerlang;
- (c) untuk membentuk dasar dan kaedah pengajaran dan pembelajaran, peperiksaan, penyelidikan, biasiswa dan latihan yang dijalankan di dalam, oleh atau dari universiti;
- (d) untuk memastikan standard pendidikan dalam kursus pengajian yang diadakan di dalam, oleh atau dari universiti;
- (e) untuk menentukan kebolehlaksanaan atau selainnya apa-apa cadangan berkenaan dengan apa-apa kurikulum atau kursus pengajian yang dijalankan atau hendak dijalankan di dalam, oleh atau dari universiti;
- (f) untuk menentukan kelayakan yang dikehendaki bagi diterima masuk ke dalam mana-mana kursus pengajian yang diadakan di dalam, oleh atau dari Universiti;
- (g) untuk mengawal selia perjalanan penilaian dan peperiksaan, mengesahkan keputusan peperiksaan dan menentukan rayuan;

- (h) menggubal dasar bagi melindungi kebebasan akademik dan kecemerlangan professional; dan
- (i) untuk melakukan segala perkara yang suai manfaat atau perlu bagi atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Perlembagaan ini.

Senat hendaklah mempertimbangkan apa-apa perkara yang dihantar kepadanya oleh Lembaga di bawah Subseksyen 16(3) Bahagian III, Jadual Pertama.

Mengikut peruntukan Seksyen 17 (5) Bahagian III, Jadual Pertama, apa-apa pertikaian antara Senat dan Lembaga mengenai ruang lingkup dan takat fungsi atau kuasa mereka boleh dirujukkan oleh salah satu pihak kepada Menteri mengikut Seksyen 24A Bahagian III, Jadual Pertama.

7.2 Akta 173 - Akta Universiti Teknologi MARA 1976

Mengikut peruntukan 16A (6), Senat hendaklah membuat syor kepada Lembaga Pengarah Universiti (LPU) tentang segala perkara yang berhubungan dengan:

- (a) kandungan dan penyusunan kursus pengajian yang diadakan di Universiti;
- (b) kaedah pendidikan, pengajaran dan latihan yang dijalankan di Universiti;
- (c) standard pendidikan dalam kursus pengajian yang diadakan di Universiti;
- (d) kurikulum dan kursus pengajian yang dijalankan di Universiti;
- (e) kebolehlaksanaan atau selainnya apa-apa cadangan berkenaan dengan mana-mana kurikulum atau kursus pengajian yang dijalankan atau yang akan dijalankan di Universiti;
- (f) penetapan kelayakan yang dikehendaki bagi penerimaan masuk ke mana-mana kursus pengajian yang diadakan di Universiti;
- (g) cadangan bagi penubuhan apa-apa kursus pengajian baru yang hendak dijalankan, atau pemberhentian mana-mana kursus pengajian yang sedia ada yang dijalankan, di Universiti; dan
- (h) pengurniaan penghormatan akademik, fellowship, ijazah, diploma, sijil, hadiah, biasiswa dan kepujian akademik yang lain.

Tiada ketetapan boleh diluluskan oleh Lembaga yang berhubungan dengan mana-mana perkara yang disebut dalam subseksyen (6) melainkan jika Senat terlebih dahulu diberi peluang mencatatkan dan menghantar pendapatnya kepada Lembaga tentang perkara itu.

Selain dari itu, fungsi dan tanggungjawab Senat UiTM juga

- i. meluluskan pelantikan Penasihat Akademik, Pemeriksa Luar dan Konsultan, Research Fellow dan Visiting Fellowship
- ii. boleh melantik apa-apa jawatankuasa atau jawatankuasa kecil yang terdiri daripada anggota-anggotanya dan juga mana-mana orang yang dikoopt sebagai anggota, dengan syarat mana-mana orang yang diko-opt tidak mempunyai hak mengundi.
- iii. menurunkan kuasa atau mewakilkan mana-mana kewajipan, tugas dan tanggungjawabnya kepada jawatankuasa atau jawatankuasa kecilnya.
- iv. menentukan prosedurnya sendiri dan tertakluk kepada Akta 173.

7.3 Constitution of International Islamic University Malaysia

Article 40 (2) of the Constitution of International Islamic University Malaysia: Subject to the Act and the Constitution, the Senate may make Rules or Regulations to deal with any or all of the following:

- (a) *the determination of the degrees, diplomas and other academic distinctions to be conferred by the University;*
- (b) *matters relating to student affairs including the conditions of admission, residence and welfare;*
- (c) *matters relating to the conduct of student elections;*
- (d) *the powers and duties of the Dean of centre of studies or the head of any service divisions or departments;*
- (e) *courses of study or syllabuses or academic programmes;*

- (f) *the appointments, powers and duties of examiners;*
- (g) *the number, conduct and scope of examinations and matters related to examinations; and*
- (h) *the admission of students to the examinations, degree and diploma courses of the University*

8.0 JAWATANKUASA/MAJLIS DI BAWAH SENAT

8.1 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971

Mengikut peruntukan Sekyen 17 (3) Bahagian III, Jadual Pertama “Dalam melaksanakan kewajipan, fungsi dan tanggungjawabnya, Senat boleh mewakilkan mana-mana daripada kewajipan, fungsi dan tanggungjawabnya kepada ahlinya atau sesuatu jawatankuasa yang terdiri dari ahlinya”.

Mengikut kepada peruntukan ini, Senat telah menubuhkan jawatankuasa/majlis seperti berikut:

- (i) Jawatankuasa/Majlis Kurikulum dan Kualiti Akademik
- (ii) Jawatankuasa/Majlis Peperiksaan dan Pengijazahan
- (iii) Jawatankuasa/Majlis Perpustakaan dan Sumber Pendidikan
- (iv) Jawatankuasa/Majlis Penyelidikan dan Inovasi
- (v) Jawatankuasa/Majlis Pembangunan Mahasiswa dan Alumni
- (vi) Jawatankuasa/Majlis Akreditasi
- (vii) Jawatankuasa/Majlis Dasar dan Entiti Universiti
- (viii) Lain-lain majlis dan jawatankuasa yang akan ditubuhkan di bawah Senat.

8.2 Akta 173 - Akta Universiti Teknologi MARA 1976

8.2.1 Mengikut peraturan 16A (5) Naib Canselor boleh mengko-opt mana-mana orang lain untuk menjadi anggota Senat atau untuk menghadiri mesyuarat Senat, tetapi seseorang yang diko-opt tidak mempunyai hak untuk mengundi.

8.2.2 Mengikut peraturan 16A (8) Bagi maksud membolehkannya melaksanakan fungsinya dan menunaikan kewajipannya, Senat boleh melantik apa-apa jawatankuasa atau jawatankuasa kecil yang terdiri daripada anggotanya dan juga mana-mana orang yang diko-opt sebagai anggota di bawah subseksyen (5), dengan syarat bahawa mana-mana orang yang diko-opt tidak mempunyai hak untuk mengundi.

8.2.3 Senat UiTM telah menubuhkan jawatankuasa seperti berikut:

- i. Jawatankuasa Induk Kurikulum Universiti (JKIKU)
- ii. Jawatankuasa Induk Penilaian Akademik Universiti (JKIPA)
- iii. Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF)
- iv. Jawatankuasa Akademik Pusat Asasi (JAP)
- v. Jawatankuasa Akademik Institut (JAI)
- vi. Jawatankuasa Akademik UiTM Negeri (JAN)
- vii. Jawatankuasa Akademik Kokurikulum (JAK)
- viii. Jawatankuasa Pembetulan dan Pengemaskinian Keputusan Peperiksaan (JPPKP)
- ix. Jawatankuasa Lantikan Akademia (JLA)
- x. Jawatankuasa Penilaian Kumpulan Sains Kesihatan (JPKSK)

8.3 *Constitution of International Islamic University Malaysia*

Article 18 (3) of Constitution of International Islamic University Malaysia stated that 'The Senate may form committees to regulate the academic and student affairs of the University.'

Article 18 (4) of Constitution of International Islamic University Malaysia stated that 'The Senate may delegate any of its functions, powers and duties to any committee or person as it may deem appropriate.'

Pursuant to this provision, the Senate has established the following committees/ councils:

- i. Dean's Council*
- ii. Student Admission Committee*
- iii. University Committee for Postgraduate Studies*
- iv. University Research Committee*

8.4 Terma Rujukan (TOR) Jawatankuasa/Majlis di bawah Senat Universiti adalah seperti di Lampiran 3.

9.0 AGENDA MESYUARAT

9.1 Mesyuarat Senat adalah terbahagi kepada dua (2) kategori iaitu:

- i. Mesyuarat biasa; dan
- ii. Mesyuarat khas

9.2 Mesyuarat biasa hendaklah diadakan pada tarikh-tarikh tertentu yang ditetapkan terlebih dahulu oleh Setiausaha Senat dengan persetujuan dan hendaklah diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam satu-satu tempoh semester pengajian. Jika sesuatu mesyuarat biasa tidak dapat diadakan pada tarikh yang ditetapkan oleh kerana sesuatu sebab, maka mesyuarat itu hendaklah ditunda ke tarikh yang ditetapkan oleh Pengerusi.

9.3 Mesyuarat khas untuk membincangkan perkara-perkara yang tertentu hendaklah diadakan apabila:

- i. diarahkan oleh Pengerusi, atau
- ii. terdapat permintaan sekurang-kurangnya satu pertiga (1/3) daripada bilangan ahli Senat.

9.4 Permintaan di bawah Perkara 10.3 di atas hendaklah dimaklumkan kepada Setiausaha Senat dengan menyatakan perkara-perkara yang hendak dikemukakan untuk pertimbangan mesyuarat.

- 9.5 Pemberitahuan mengenai sesuatu mesyuarat dengan menyatakan tempat, tarikh dan masa mesyuarat itu hendaklah dikeluarkan selewat-lewatnya:
- i. empat belas (14) hari bagi Mesyuarat Biasa; dan
 - ii. tujuh (7) hari bagi Mesyuarat Khas
- 9.6 Pemberitahuan mengenai mesyuarat biasa atau mesyuarat khas hendaklah dibuat melalui aplikasi rasmi Universiti.
- 9.7 Agenda bagi mesyuarat biasa hendaklah diedarkan kepada ahli selewat-lewatnya tiga (3) hari bekerja sebelum tarikh mesyuarat. Manakala, agenda bagi mesyuarat khas hendaklah disampaikan bersama-sama dengan pemberitahuan mesyuarat.
- 9.8 Seseorang ahli yang berkehendakkan supaya sesuatu perkara dimasukkan dalam agenda mesyuarat biasa, hendaklah menyampaikan kepada Setiausaha Senat suatu kertas kerja yang lengkap mengenainya selewat-lewatnya empat belas (14) hari sebelum tarikh mesyuarat Senat diadakan.
- 9.9 Agenda bagi mesyuarat Senat biasa adalah seperti berikut dan tertakluk pada pindaan:
- i. Aluan Pengerusi
 - ii. Pengisytiharan Kepentingan
 - iii. Pengesahan Minit Mesyuarat Lepas
 - iv. Maklum Balas Perkara-Perkara Berbangkit
 - v. Pembentangan Kertas Kerja Untuk Kelulusan Senat
 - vi. Pembentangan Kertas Kerja Untuk Pemakluman Senat
 - vii. Laporan Jawatankuasa/Majlis Fakulti/PTJ
 - viii. Hal-Hal Lain
 - viii. Penutup

- 9.10 Sekiranya dipersetujui oleh Pengerusi Senat, perkara-perkara yang tidak dimasukkan dalam agenda mesyuarat biasa boleh dikemukakan untuk perbincangan di bawah perkara “Hal-Hal Lain”. Sesuatu perkara tidak boleh dibincangkan dalam Mesyuarat Khas melainkan jika perkara itu telah dimasukkan ke dalam agenda.

10.0 FORMAT KERTAS KERJA

- 10.1 Kertas kerja yang lengkap hendaklah diserahkan kepada Urus setia Senat melalui Setiausaha Jawatankuasa/Majlis di bawah Senat mengikut prosedur pengendalian dokumen bertaraf SULIT. Format teknikal kertas kerja adalah seperti di Lampiran 1.
- 10.2 Kertas kerja hendaklah dikemukakan kepada Urus setia Senat selewat-lewatnya tujuh (7) hari bekerja sebelum Mesyuarat Pra-Senat dijadualkan.
- 10.3. Kertas kerja yang dikemukakan hendaklah mengikut format kertas kerja Senat dan ia perlu mengandungi maklumat seperti berikut:
- i. Nama, jawatan dan tandatangan penyedia Kertas Kerja
 - ii. Pengesahan oleh Dekan Fakulti/Sekolah/Pusat
 - iii. Tarikh kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa/Majlis Fakulti/PTJ & Mesyuarat Jawatankuasa/Majlis di bawah Senat (Maklumat pada Latar Belakang kertas kerja)
- 10.4 Kertas kerja yang tidak dibentang atau tidak diluluskan di Mesyuarat Jawatankuasa/Majlis Fakulti/PTJ atau setara dan Mesyuarat Jawatankuasa/Majlis di bawah Senat tidak akan diterima untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Senat Universiti.
- 10.5 Kertas kerja daripada ahli Senat yang tidak melalui Mesyuarat Jawatankuasa/Majlis Fakulti/PTJ atau setara dan Mesyuarat Jawatankuasa/Majlis di bawah Senat boleh dipertimbangkan untuk dibawa dan dibentangkan di Mesyuarat Senat dengan syarat ianya mendapat persetujuan daripada Pengerusi Senat serta mematuhi Perkara 10.2.

- 10.6 Urus setia Senat berhak mengembalikan kertas kerja yang tidak dibuat pindaan berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa/Majlis di bawah Senat dan yang tidak mengikut format penyediaan yang ditetapkan.
- 10.7 Kertas kerja yang lewat dihantar (melempi tarikh akhir penghantaran kertas kerja) perlu mendapat kelulusan Pengerusi Senat untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat Senat yang terdekat.

11.0 MENANGGUH MESYUARAT

- 11.1 Mesyuarat Senat boleh ditangguhkan atas persetujuan ahli Senat.
- 11.2 Sambungan bagi mesyuarat yang ditangguhkan hendaklah diadakan pada tarikh dan masa tidak lewat daripada tujuh (7) hari selepas tarikh penangguhan itu. Mesyuarat sambungan itu hendaklah dianggap sebagai sebahagian daripada mesyuarat asal yang telah ditangguhkan dan tidak ada apa-apa perkara baharu boleh dikemukakan di dalamnya kecuali di bawah perkara “Hal-Hal Lain”.
- 11.3 Jika ada sesuatu perkara dalam agenda yang masih belum dibincangkan ketika mesyuarat ditamatkan maka perkara itu hendaklah dimasukkan ke dalam agenda bagi mesyuarat biasa yang berikutnya.
- 11.4 Mesyuarat khas hendaklah diadakan sehingga tamat kesemua agenda kecuali dengan arahan pengerusi supaya mesyuarat tersebut ditangguhkan.

12.0 MINIT MESYUARAT

- 12.1 Ringkasan keputusan mesyuarat hendaklah diedarkan tidak lewat dari tiga (3) hari bekerja.
- 12.2 Draf minit yang disemak oleh Setiausaha Senat hendaklah diedarkan kepada ahli tidak lewat dari tujuh (7) hari bekerja selepas mesyuarat diadakan.
- 12.3 Ahli mesyuarat boleh memberikan maklum balas/ pembetulan kepada Setiausaha Senat terhadap draf minit mesyuarat tersebut dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.
- 12.4 Minit mesyuarat hendaklah dikemukakan untuk pengesahan Senat dalam mesyuarat yang berikutnya. Pindaan ke atas minit, jika ada, hendaklah dilakukan sebelum minit itu disahkan.
- 12.5 Sebaik sahaja minit bagi sesuatu mesyuarat itu disahkan, satu salinan minit tersebut hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi mesyuarat dan dimasukkan ke dalam Fail Minit Rasmi.
- 12.6 Selepas minit sesuatu mesyuarat disahkan, maka tiada sesuatu bantahan boleh dibuat sama ada berkenaan kandungan minit tersebut atau berkenaan sah atau tidaknya mesyuarat yang berkaitan itu.

13.0 MEMBUAT KEPUTUSAN

- 13.1 Sesuatu keputusan Senat biasanya adalah dibuat berasaskan pertemuan pendapat kesemua ahli yang hadir dalam sesuatu mesyuarat. Bagaimanapun, jika sekiranya dalam sesuatu keadaan yang tertentu didapati perlu dijalankan pengundian atas sesuatu perkara, maka setiap ahli yang hadir adalah berhak kepada satu undi, kecuali ahli ex-officio.
- 13.2 Sekiranya terdapat kesamaan jumlah undi mengenai sesuatu perkara, maka Pengerusi adalah berhak menggunakan undi pemutus.

- 13.3 Pengundian hendaklah dijalankan secara terbuka kecuali jika dikehendaki supaya dijalankan secara sulit oleh majoriti ahli yang hadir.
- 13.4 Minit mesyuarat tidak perlu merekodkan pandangan atau keputusan ahli secara perseorangan, tetapi seseorang ahli yang tidak bersetuju dengan sesuatu keputusan mesyuarat boleh meminta supaya dicatatkan dalam minit mesyuarat yang berkaitan bahawa ianya tidak menyertai keputusan itu dengan syarat permintaan demikian dibuat dalam mesyuarat itu juga.

14.0 KEPUTUSAN SECARA EDARAN

- 14.1 Sekiranya keputusan perlu dibuat dengan segera atas sesuatu perkara penting maka dengan persetujuan Pengerusi Senat, perkara itu boleh dibuat secara edaran. Ahli-ahli hendaklah diberi masa selama tiga (3) hari bekerja untuk memberitahu Setiausaha Senat sama ada mereka bersetuju, berkecuali atau tidak bersetuju atas perkara dikemukakan secara edaran itu. Jika jawapan tidak diterima dalam masa tiga (3) hari bekerja yang diberikan itu, maka Setiausaha Senat akan menganggap bahawa ahli berkenaan bersetuju atas perkara diedarkan itu.
- 14.2 Kertas kerja secara edaran perlu mendapat pandangan dan perakuan daripada semua ahli. Keputusan setiap ahli Senat perlu direkodkan menggunakan format perakuan dan kelulusan secara edaran yang telah ditetapkan.
- 14.3 Keputusan Senat mengenai sesuatu perkara yang diperolehi secara edaran adalah diasaskan kepada persetujuan terbanyak ahli, kecuali ahli ex-officio. Keputusan itu hendaklah diminitkan di dalam minit Senat secara edaran dan dilaporkan dalam mesyuarat biasa yang berikutnya serta direkodkan dalam minit mesyuarat tersebut.
- 14.4 Walau apapun yang diperuntukkan di bawah peraturan lain, sekiranya ada satu pertiga (1/3) ahli atau lebih, kecuali ahli ex-officio, yang meminta supaya perkara yang disampaikan secara edaran itu dibincangkan dalam suatu Mesyuarat Senat, maka perkara itu hendaklah dibincangkan dalam suatu mesyuarat biasa atau mesyuarat khas menurut mana yang difikirkan sesuai oleh Pengerusi.

15.0 INTEGRITI DAN KERAHSIAAN MESYUARAT

15.1 Ahli Senat dikehendaki mematuhi etika dan integriti sebagai ahli Senat merangkumi aspek-aspek berikut:

- i. kerahsiaan maklumat
- ii. mengisytiharkan sebarang kepentingan berkaitan dengan sesuatu keputusan yang akan dibuat oleh Senat
- iii. mengambil kira aspek penilaian risiko di dalam membuat keputusan.

15.2 Perbincangan dan keputusan mesyuarat Senat adalah SULIT dan tidak boleh diberitahu kepada mana-mana pihak. Jika sesuatu keputusan Senat perlu diberitahukan kepada mana-mana pihak, pemberitahuan itu hendaklah dibuat oleh Setiausaha atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Senat bagi maksud itu.

15.3 Segala dokumen mesyuarat Senat dikelaskan sebagai “SULIT” dan oleh itu tidak boleh diedarkan sebahagian atau seluruhnya kepada mana-mana pihak yang tidak berkenaan melainkan dengan kebenaran bertulis Pengerusi.

Bahagian 3

JAWATANKUASA



JAWATANKUASA PENYEDIA

Panduan Tadbir Urus Senat
Universiti Awam (UA) Malaysia
(Edisi 2022)

Penasihat:

Tuan Haji Muhamad Nizam Noordin

Pendaftar

Pejabat Pendaftar

Universiti Teknologi MARA

Ketua :

Encik Mohd Herme Yusman bin Mohd Tahir

Timbalan Pendaftar

Pejabat Pendaftar

Jabatan Pendaftar

Universiti Teknologi Malaysia

Ahli:

1. **Encik Erman Kamal Mustafa Kamal**
Penolong Pendaftar Kanan
Bahagian Sumber Manusia
Universiti Sains Malaysia
2. **Cik Norlizawaty Tumin**
Timbalan Pendaftar
Bahagian Pengurusan Akademik
Universiti Sains Islam Malaysia
3. **Encik Mohd Haryzal Mohd Zan**
Timbalan Pendaftar
Bahagian Governan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
4. **Encik Muhammad Iskandar Zulkarnain Muhammad Suhaimi**
Ketua Penolong Pendaftar Kanan
Bahagian Pengurusan dan Governan
Jabatan Pendaftar
Universiti Utara Malaysia

5. **Puan Noor Aziana Ibrahim**
Penolong Pendaftar Kanan
Bahagian Governan
Jabatan Pendaftar
Universiti Malaysia Perlis
6. **Puan Zahirah A Razak**
Timbalan Pendaftar
Jabatan Governan Dan Pengurusan Perkhidmatan
Pejabat Pendaftar
Universiti Malaysia Terengganu
7. **Encik Mohd Faizal Ibrahim**
Ketua Penolong Pendaftar
Bahagian Governan, Integriti & Pentadbiran Am
Pejabat Pendaftar
Universiti Sultan Zainal Abidin
8. **Encik Zaidi Mohd Noor**
Ketua Penolong Pendaftar
Bahagian Pentadbiran & Kemudahan
Jabatan Pendaftar
Universiti Kebangsaan Malaysia
9. **Puan Suriani Musa**
Penolong Pendaftar Kanan
Bahagian Governan dan Sekretariat Universiti
Pejabat Pendaftar
Universiti Teknologi MARA
10. **Puan Azian Nafiah**
Pengarah
Jabatan Hal Ehwal Akademik
Universiti Utara Malaysia
11. **Puan Zulaifah Sharif**
Pegawai Tadbir
Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

12. **Puan Juliana Mohd Ali**
Eksekutif Kanan
Unit Senat & Pentadbiran Akademik
Pusat Pengurusan Akademik
Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa
Universiti Malaysia Pahang

Reka Letak:

1. **Cik Zailiyanti Zabidin**
Pelukis Grafik
Bahagian Governan dan Sekretariat Universiti
Pejabat Pendaftar
Universiti Teknologi MARA

NOTA



Pejabat Pendaftar

Aras 3, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin,
Universiti Teknologi MARA,
40450 Shah Alam, Selangor

Edisi Pertama 2022

e ISBN 978-967-26987-7-7



9 789672 698777